

Imam Pas 'sindir' UMNO

UM 1 8 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 17 Ogos — Pegawai kanan kerajaan Pas Terengganu yang **cuba** mengambil alih **tugas** sebagai khatib dan imam semasa Dr. **Mahathir** Mohamad **menunai-**kan **solat** Jumaat di **Mas-**jid Kampung **Losong** Haji Mat **Shafie** di **sini** semalam, mengambil **kesem-**patan 'menyindir' apabila membaca **ayat al-Quran** yang selalu digunakan **bagi** menghentam UMNO dalam ceramah **parti** itu.

Setiasaha **Jawatanku-**asa Masjid berkenaan, **Da-**tuk Ghazali **Ahmad** berka-**ta**, ayat yang dibacakan **iaitu** ayat 60 hingga ayat 65 Surah an-Nisa' **seme-**ngangnya selalu diguna-**kan** oleh nemimuin dan penceramah Pas sebagai hujah untuk **menggam-**barkan UMNO sebuah **parti** yang menolak Islam.

Beliau berkata, ayat **ter-**sebut antaranya **menye-**

'but mengenai orang yang enggan menghukum **ber-**dasarkan al-Quran tetapi menggunakan hukum **ta-**ghut.

"Ayat itu **biasa** diguna-**kan** untuk menhentam orang UMNO yang **konon-**nya tidak mengikut **ajaran** Islam yang sebenar," **kata-**nva ketika **dihubungi** di **si-**ni: hari **ini**.

Akhbar hari **ini** **mela-**porkan seorang pegawai kanan kerajaan Pas **Tere-**ngganu **cuba** mengambil alih **tugas** sebagai khatib dan imam semasa Dr. **Ma-**hathir menunaikan **solat** Jumaat di Masjid **Kam-**pung **Losong** Haji Mat **Shafie**, semalam.

Pegawai kanan **berke-**naan dengan dibantu **be-**berapa individu dikatakan mendesak untuk **meng-**gantikan khatib **tetap** masjid **tersebut** **bagi** **mem-**bacakan **khutbah** dan mengimamkan **sembah-**

yang Jumaat. **Bagaimana-**pun, kejadian itu dapat diselesaikan dengan baik apabila khatib tetap **mas-**jid itu, Muhammad Abu Bakar membacakan **khut-**bah Jumaat manakala **pe-**gawai kanan bergelar **'da-**tuk **tersebut** menjadi imam.

Ghazali berkata, Pas **ki-**ni sanggup melakukan **apa** sahaja **bagi** meraih sokongan sehingga **sang-**gup menjadikan **solat Ju-**maat sebagai jalan untuk menyindir orang UMNO.

Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal **Khas**, Datuk Ibrahim Azmi berkata, **be-**liau percaya tindakan membaca ayat berkenaan disengajakan **bagi** 'menge-**nakan**' Perdana Menteri setelah tidak berpeluang melakukannya melalui **khutbah** Jumaat.